

## **Pandangan Pengundi Terhadap Kerajaan Negeri Terengganu Dan Kerajaan Persekutuan Di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Besi, Dungun, Terengganu**

*The Perception Of Voters Against The Terengganu State Government And Federal Government In The State Legislative Assembly Of Bukit Besi, Dungun, Terengganu*

Nur Elya Syafika Kamarozaman  
<sup>1</sup>Junaidi Awang Besar

Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: <sup>1</sup>jab@ukm.edu.my

### **ABSTRAK**

Pilihan raya adalah sebuah institusi penting terhadap pemerintahan negara demokrasi yang memberi pengiktirafan untuk memerintah sesebuah negara. Parti politik yang memenangi sesuatu pilihan raya akan membentuk kerajaan yang akan melaksanakan dasar yang dijanjikan dalam manifesto ketika kempen pilihan raya. Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji pandangan pengundi terhadap Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di kawasan DUN Bukit Besi, Dungun, Terengganu. Bagi mencapai objektif kajian, kajian di lapangan dijalankan melibatkan pengedaran borang soal selidik kepada 100 orang responden serta temu bual terhadap tiga informan yang berkepentingan dalam politik. Selain itu, rujukan terhadap sumber sekunder yang berkaitan juga dilakukan bagi mendapatkan maklumat tambahan mengenai kajian ini. Seterusnya, data daripada borang soal selidik telah dianalisis menggunakan perisian SPSS dan dipaparkan dalam bentuk jadual serta rajah. Hasil kajian mendapati bahawa sumber maklumat media elektronik dan media alternatif paling berpengaruh dan sering digunakan oleh responden untuk mendapatkan maklumat mengenai Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Selain itu, hasil kajian menunjukkan rakyat berpandangan bahawa pemerintahan Kerajaan Negeri menjalankan tanggungjawab dan amanah sebagai pemimpin dengan baik manakala pemerintahan di peringkat Kerajaan Persekutuan pula dilihat kurang memberangsangkan seperti yang diharapkan oleh rakyat. Seterusnya, impak program yang dijalankan oleh Kerajaan PAS di Negeri Terengganu dilihat diterima dan disambut baik oleh rakyat manakala di peringkat Kerajaan Persekutuan pula impak program yang dijalankan kurang mendapat sambutan dan penerimaan yang baik oleh rakyat. Justeru itu, kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada pengkaji akan datang seterusnya dapat memberi manfaat kepada pihak yang terlibat dalam dasar kerajaan sama ada pada peringkat negeri mahupun peringkat persekutuan.

**Kata kunci:** Kerajaan, pilihan raya, parti politik, manifesto, pemerintahan

### **ABSTRACT**

*Elections are an important institution of the government of a democratic country that gives recognition to the rule of a country. The winner of political party will form a government that will implement the policy*

*promised in the manifesto during the election campaign. Hence, this research was purpose to study the views of voters against the State Government and Federal Government in the state legislative assembly of Bukit Besi, Dungun, Terengganu. In order to achieve the objectives of the study, fieldwork research were used which is distributing the questionnaire to 100 respondents and interviewing three informants who were involved in politics. Besides, references of secondary sources also used for additional information on this study. Next, data from the questionnaire were analysed using the SPSS software then will be presented in the form of tables and diagrams. The result showed that electronic media sources and alternative media sources were the most influential and frequently used by respondents to get information about the State Government and Federal Government. Besides, the result also showed that the views of people against the State Government was carrying their duties and responsibilities as a good leader while at the Federal Government level is not encouraging as the people expect. Next, the impact of the programmes by the PAS government in Terengganu was accepted by the people while the level impact of the programmes at Federal Government was not well accepted by the people. Therefore, it is hoped that this research will serve as a guide and references to the next researchers and can give benefit to those who were involved in government policy at the state and federal level.*

**Keywords:** *Government, election, political party, manifesto, governance*

## 1. Pengenalan

Pilihan raya merupakan salah satu asas utama dalam pengamalan sistem demokrasi di sesebuah negara yang merdeka. Pilihan raya merupakan institusi yang penting terhadap pemerintahan negara demokrasi yang memberi pengiktirafan untuk memerintah sesebuah negara. Demokrasi pula merupakan satu sistem politik yang memberi peluang dan kebebasan kepada rakyat di sesebuah negara untuk membuat keputusan secara umum dengan memilih pemimpin yang layak untuk mentadbir sesebuah negara demi kesejahteraan hidup rakyat di sesebuah negara. Pilihan Raya Umum (PRU) di Malaysia dijalankan setiap lima tahun sekali dan ianya berlaku secara serentak bagi penentuan Kerajaan Negeri dan juga bagi penentuan Kerajaan Persekutuan.

Pengundi lebih mementingkan pembangunan yang dijanjikan oleh pemerintah. Apa yang diperlukan oleh pengundi diterjemahkan dalam bentuk matlamat oleh parti pilihan. Tingkah laku atau pandangan pengundi menjadi asas untuk memahami kehendak rakyat seterusnya menjelaskan persoalan sebab seseorang itu mengundi dan faktor yang mempengaruhi pilihan undi. Pelbagai faktor yang mempengaruhi pengundi dalam memilih calon semasa pilihan raya umum. Perkara ini boleh dilihat berdasarkan pesepsi dan pandangan pengundi di sesebuah kawasan kajian.

Dalam mempersoalkan keutuhan sesebuah parti politik untuk terus menerajui pemerintahannya di sesebuah negeri, sokongan daripada pengundi merupakan perkara yang sangat penting dan paling utama. Kemenangan besar parti komponen Barisan Nasional (BN) dalam PRU 1995 misalnya, bergantung kepada sokongan padu dan undian daripada rakyat di negara ini. Begitu juga dengan perubahan yang berlaku dalam Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri khususnya di Terengganu selepas PRU-14 pada tahun 2018. Perubahan besar yang belaku selepas PRU-14 adalah hasil daripada undian dan sokongan pengundi di negara ini.

Justeru, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk mengkaji tentang pandangan pengundi terhadap Kerajaan Negeri Terengganu dan Kerajaan Persekutuan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Besi, Dungun, Terengganu. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti sumber maklumat mengenai Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, mengkaji pandangan responden

terhadap prestasi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan serta menganalisis impak program Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan terhadap sokongan pengundi pada PRU akan datang.

## 2. Sorotan Literatur

### 2.1 *Politik Pilihan Raya Luar Negara*

Shin (2001) dalam kajian *The Politicization of Place in Italy* menjelaskan bahawa dalam geografi pilihan raya, peranan parti politik sering diabaikan dan ia lebih memihak kepada analisis yang menumpukan kepada sifat pengundi. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji evolusi organisasi Parti Demokratik Kiri (PDS) di Itali, struktur dan organisasi geografi PDS. Hasil kajian menunjukkan bagaimana variasi geografi aktiviti parti yang sepadan dengan sokongan dalam pilihan raya, dan menekankan pentingnya rangkaian maklumat kepada kejayaan yang berterusan dalam Parti Demokratik Kiri di Itali dalam kubu wilayahnya yang disebut sebagai la zona rossa, atau “kawasan merah”.

Dalam kajian Gimpel, Irwin, & David (2004) yang bertajuk *Turnout and The Local Age Distribution: Examining Political Participation Across Space and Time* mengkaji kesan pengagihan umur dalam menilai jumlah pemilih tempatan pada setiap kali pilihan raya. Generasi berusia lebih ramai terlibat dalam politik berbanding generasi muda. Hal ini dapat dilihat melalui penglibatan golongan muda dalam aktiviti politik. Hasil kajian mendapati jumlah pengundi tempatan sangat berkait rapat dengan pengedaran umur, meningkat dengan peratusan melebihi umur 60 tahun, jatuh mendadak dengan peningkatan peratusan antara umur 18 hingga 29 tahun. Oleh itu, jelaslah pengundi yang lebih muda perlu digerakkan dalam meraih undian dalam pilihan raya.

Schaffner (2006) dalam kajian *The Political Geography of Campaign Advertising in US House Elections* menyatakan bahawa instrumen akauntabiliti berkait rapat dengan keupayaan dalam memperoleh maklumat tentang calon yang bertanding. Kajian ini mengkaji keupayaan berkempen untuk Dewan Perwakilan Amerika Syarikat dengan menganalisis bagaimana calon dan parti politik merangka strategi berkempen dan pengiklanan di seluruh media Amerika Syarikat. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati pentingnya pertimbangan geografi politik untuk memahami variasi dalam pengiklanan yang disiarkan di seluruh tempat semasa berkempen.

Robinson & Noriega (2010) dalam kajian *Voter migration as a source of electoral change in the Rocky Mountain West* melihat peningkatan kekuatan Parti Demokrat di Ricky Mountain West dan meneroka penghijrahan dalam negeri sebagai penyebab perubahan pilihan raya. Teori lain mengenai perubahan pilihan raya seperti penukaran pengundi, penggerak pengundi, penggantian generasi dianggap kurang penting dalam teori migrasi pengundi. Model “autoregressive spatial” juga membuktikan “kesan kejiranan” kontekstual adalah penyumbang kepada perubahan pilihan raya di rantau ini. Kajian ini mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pertumbuhan kekuatan Demokratik dan peralihan pengundi baharu yang berasal dari wilayah barat.

Evans et al. (2017) dalam kajian *Candidate Localness and Voter Choice in the 2015 General Election in England* menunjukkan hubungan yang signifikan antara tempat tinggal pengundi dengan calon yang bertanding. Hasil kajian ini menunjukkan perbezaan tempat tinggal pengundi dan juga calon mempengaruhi jumlah undian dalam pilihan raya umum UK 2015. Perkara ini bukan sahaja memberi kesan kepada parti, malah turut memberi kesan kepada jumlah

undian. Hal ini kerana calon yang tinggal di kawasan yang tidak bertanding berkemungkinan memperoleh undian yang lebih rendah berbanding dengan calon yang tinggal di kawasan sekitar atau di kawasan itu sendiri.

Carison & Gimpel (2019) dalam kajian *Political implications of residential mobility and stasis on the partisan balance of locales* menggambarkan corak pergerakan beberapa juta pengundi dalam enam wilayah negara. Penghijrahan ini dilihat lebih tertarik kepada kawasan kejiranan yang lebih bersesuaian dengan politik parti pendaftaran mereka. Mereka yang menukar parti pendaftaran mereka apabila berpindah kelihatan sangat sensitif terhadap perbezaan iklim politik. Hasil kajian mendapati bukti berdasarkan model untuk berjuta-juta bukan penggerak yang berhijrah adalah konsisten dengan pemusnahan politik parti tunggal sama seperti kawasan yang mempunyai ekonomi yang kukuh.

## **2.2 Politik Pilihan Raya di Malaysia**

Dalam artikel Junaidi et al. (2012) yang bertajuk ‘Persepsi Politik Pengundi Belia Melayu Pasca Pilihan Raya Umum 2008 di Malaysia’ menjelaskan bahawa pengundi belia di Malaysia amat penting dalam menentukan kestabilan politik, ekonomi dan sosial negara. Hasil kajian menunjukkan bahawa belia di Malaysia inginkan kebebasan bersuara dan keperluan mereka dipenuhi oleh pihak berkuasa. Responden kajian juga menyokong aspirasi kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan negara. Majoriti menyatakan bahawa Indek Petunjuk Prestasi (KPI) untuk wakil rakyat dan Menteri adalah baik dan ia dipengaruhi oleh sokongan rakyat terhadap kerajaan dan pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan rakyat. Responden di kawasan kajian turut menyatakan bahawa mereka akan terus mengundi BN dan mereka menjangkakan parti ini akan terus menerajui Malaysia.

Dalam kajian Maizatul & Wan Idros (2014) yang bertajuk ‘Advokasi dan Penerimaan Pengundi terhadap Program Transformasi Kerajaan (GTP) dalam PRU-13’ adalah untuk melihat sejauh mana penerimaan rakyat terhadap Program Transformasi Kerajaan (GTP) ini. Hasil kajian mendapati bahawa meskipun advokasi tentang GTP ini dilakukan dengan kerap melalui media elektronik dan media cetak namun penerimaan responden masih lagi pada tahap yang sederhana walaupun mereka sedar dan faham tentang GTP ini. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa kerajaan perlu memberi tumpuan lebih dalam usaha meningkatkan kefahaman rakyat tentang GTP agar mereka lebih bersikap terbuka dan mudah menerima serta melibatkan diri dalam program tersebut.

Junaidi et al. (2015) dalam kajian ‘Kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) dan Persepsi Pengundi terhadap Dasar Kerajaan di Dewan Undangan Negeri Kajang, Selangor’ menghuraikan bahawa PRK adalah landasan bagi menjejak arah aliran jangka pendek penilaian pengundi. Hasil kajian mendapati jenis kempen, manifesto parti dan calon menjadi medium utama dalam mempengaruhi sokongan responden kepada parti politik. Secara keseluruhannya, persepsi terhadap dasar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat adalah positif namun pengundi mengharapkan agar isu ekonomi iaitu isu kenaikan harga barang dan peluang pekerjaan dapat ditangani oleh pihak yang berwajib demi memastikan kehidupan mereka bertambah baik. Dasar atau polisi yang mengutamakan rakyat perlu menjadi prioriti kepada kerajaan tidak kira parti yang memerintah sesebuah negara mahupun negeri.

Junaidi (2015) dalam kajian ‘Impak Sumber Maklumat terhadap Sokongan kepada Partti Politik: Kajian Empirikal PRU di Malaysia’ menjelaskan bahawa perolehan sumber maklumat melalui pembacaan mempengaruhi pendirian seseorang pengundi sama ada menerima, percaya

sepenuhnya, dan menafikan maklumat yang diperoleh. Hasil kajian menunjukkan responden yang membaca maklumat daripada media cetak dan elektronik lebih cenderung menyokong BN manakala responden yang membaca maklumat daripada media sosial dan blog lebih cenderung menyokong parti pembangkang. Keadaan ini berlarutan sejak PRU 1999 sehingga PRU 2013. Oleh itu, media baharu dan internet telah mengubah landskap pilihan raya di negara ini.

Junaidi (2017) dalam kajian 'Trend Pengundian dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-13' mengatakan bahawa PRU-13 merupakan pilihan raya paling sengit dalam sejarah pilihan raya di Malaysia sehingga ia dikatakan sebagai *mother of selection*. Hal ini kerana buat pertama kalinya pihak pembangkang mempunyai peluang hampir seimbang dalam memenangi pilihan raya tersebut. Hasil kajian mendapati keputusan pilihan raya di peringkat kerusi Parlimen menunjukkan pengurangan jumlah kerusi yang dimenangi oleh parti BN berbanding PRU yang sebelumnya. Oleh itu, parti BN perlu mereformasikan kembali strategi politik mereka dalam usaha menawan semula hati dan meraih kembali sokongan rakyat agar mereka terus mendapat mandate dalam pilihan raya yang akan datang.

Kee (2018) dalam buku penulisan beliau yang bertajuk *The People's Victory: How Malaysians Saved Their Country* menjelaskan bahawa fenomena 'euforia' atau takjub/teruja melanda rakyat Malaysia pasca PRU 2018 apabila buat pertama kali dalam sejarah 63 tahun politik di negara ini bahawa pakatan parti pembangkang iaitu PH berjaya menewaskan BN seterusnya menawan Putrajaya dan juga *come back* Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berusia 92 tahun sebagai Perdana Menteri Malaysia buat kali kedua. Rakyat sudah penat dan 'sakit' dengan BN serta Perdana Menteri Najib Razak yang korup serta bertindak sebagai pemimpin kleptokrasi menyebabkan rakyat menolak beliau dan BN dalam PRU 2018.

Ooi (2018) dalam buku beliau iaitu *Catharsis: A Second Chance for Democracy in Malaysia* menjelaskan bahawa faktor kegagalan BN mempertahankan kuasa di Putrajaya adalah kerana keputusan mengadakan hari pilihan raya pada hari Rabu iaitu hari bekerja yang menimbulkan kemarahan pengundi yang mengambil peluang untuk 'mengajar' BN pada PRU tersebut, kempen pilihan raya yang singkat yang memfokuskan pengundi untuk membuat keputusan politik dengan cepat tanpa berfikir panjang, penggantungan PPBM daripada sebarang aktiviti politik sehari sebelum hari penamaan calon menimbulkan rasa marah kepada ROS dan simpati pengundi kepada parti tersebut dan BN mengambil mudah jangkaan penganalisis politik kemungkinan besar akan berlaku 'Tsunami Melayu'.

Junaidi, Abdul Muein & Ahmad Afif (2018) dalam kertas kerja yang bertajuk *Gelombang Rakyat Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia* mendapati bahawa tekad untuk jatuhkan BN, faktor ekonomi/beban/kos sara hidup rakyat, kerosakan imej atau personaliti/peribadi pemimpin dan parti, kesepaduan Pakatan Harapan, peranan media sosial, pengaruh Tun Dr. Mahathir, pengaruh 1.4 juta pengundi baru/muda dan perang persepsi telah berjaya membentuk satu gelombang yang akhirnya telah menumbangkan BN dalam PRU kali ini. PH berjaya menewaskan BN dan PAS pada peringkat kerusi parlimen dengan 122-79-18. PH kekal di negeri Selangor dan Pulau Pinang serta berjaya menawan Johor, Negeri Sembilan, Melaka; Kedah, Perak dan Sabah ditawan PH dengan 'lompatan' beberapa ADUN BN. BN kekal di Pahang dan Perlis manakala PAS kekal di Kelantan dan berjaya menawan Terengganu daripada BN. PH menguasai wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia disebabkan keyakinan pengundi terhadap gabungan parti pelbagai bangsa dan agama untuk memerintah negeri di wilayah tersebut; pengaruh Tun Dr. Mahathir; serta terpengaruh dengan sentimen negatif yang diterap melalui kempen media sosial dan ceramah bahawa 'undi PAS = undi BN'; dan sosialisasi politik Pantai Barat yang lebih mengutamakan aspek tadbir urus dan ekonomi.

PAS dominan di wilayah majoriti etnik Melayu iaitu Pantai Timur dan Utara Semenanjung kerana pengalaman dan kekuatan jentera parti tersebut; peranan agen akar umbi yang meluas seperti golongan ustaz dan para penceramah; yakin bahawa hanya PAS yang dapat menggantikan UMNO untuk membela seterusnya memartabatkan agama Islam dan bangsa Melayu di wilayah tersebut; dianggap parti 'bersih' dan 'kelihatan bersih' kerana tiada kes rasuah yang disiasat SPRM terhadap parti tersebut berbanding pemimpin BN dan PH; penerapan Budaya Politik Matang dan Sejahtera (BPMS) oleh parti tersebut; dan sentimen negatif bahawa undi PH/PKR = undi DAP yang anti Islam dan anti Melayu. BN terus menang di Pahang dan Perlis kerana sentimen politik pembangunan; serta berasa sudah selesa, tenang dan yakin dengan pemerintahan yang sedia ada. Keputusan PRU 2018 juga menunjukkan faktor persempadanan semula bahagian pilihan raya, pertandingan tiga atau lebih penjuror serta trek rekod atau perkhidmatan yang baik oleh Kerajaan BN/Pusat sebelum ini terhadap rakyat seperti pemberian BR1M, penubuhan UTC/RTC, insentif merakyat dan sebagainya tidak dapat menghalang gelombang atau tsunami 'kuasa politik' rakyat Malaysia untuk menumbangkan BN pada peringkat persekutuan/parlimen. Kesan daripada PRU kali ini memperlihatkan penstrukturan semula governans, wujudnya suasana 'Malaysia Baharu', terpecahnya status quo 'politik lama' yang berasaskan politik perkauman dan perlunya BN/UMNO untuk bermuhasabah dan bangkit semula menuju PRU akan datang. Harapan rakyat Malaysia pasca PRU ini ialah perlunya Kerajaan PH untuk menunaikan janji atau manifesto mereka, tadbir urus yang berintegriti dan mengutamakan profesionalisme dalam membuat keputusan governans, suasana sosioekonomi dan sosiopolitik yang aman dan stabil, seterusnya dapat mewujudkan sebuah negara yang dihormati oleh seluruh masyarakat dunia.

Junaidi (2018) dalam kertas kerja yang bertajuk *Analisis Faktor Geografi Terhadap Pola Pengundian Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia* menjelaskan bahawa apa yang menariknya keputusan dan pola pengundian PRU 2018 kali ini ialah kemenangan parti yang bertanding dibentuk daripada faktor geografi yang terpisah antara satu sama lain. PH secara majoritinya menang di wilayah atau zon Pantai Barat Semenanjung Malaysia terutamanya di kawasan bandar dan separa bandar manakala PAS menang di zon Pantai Timur Semenanjung Malaysia manakala BN kekal menguasai kawasan luar bandar terutamanya di negeri terkecil iaitu Perlis dan juga negeri terbesar di Semenanjung Malaysia iaitu Pahang. Pola sedemikian menarik untuk dikaji kerana ia berkait dengan faktor geografi dari segi ruang fizikal dan kemanusiaan, jarak, ketersampaian, lokasi, kawasan perbandaran/luar bandar dan juga faktor kejiranan yang mempunyai alasan tertentu yang akan dibincang dengan lebih lanjut dalam kertas kerja ini. Justeru, dimensi geografi atau ruang dalam kajian politik pilihan raya perlu diberi perhatian serius oleh semua pengkaji politik serta strategis parti politik masing-masing untuk dijadikan faktor atau pertimbangan penting dalam memberi penghujahan seterusnya gerak kerja kempen pada PRU akan datang kelak.

Mohammad Tawfik (2019) dalam pembentangan yang bertajuk "Isu-isu dominan dalam kalangan pengundi Melayu dalam kempen PRK DUN Semenyih" menjelaskan bahawa antara isu yang menyebabkan kemenangan BN dalam PRK DUN Semenyih ialah penyisihan orang Melayu untuk beberapa jawatan penting kerajaan; isu perkauman berbangkit khususnya kejadian di USJ Seafield masih meninggalkan luka berbekas di hati mereka; pelaksanaan manifesto iaitu mengundi kebanyakannya tidak lagi mempeduli berapa banyak hutang negara, tetapi telah terkesan dengan kegagalan pelaksanaan janji sebelum pilihan raya; agenda kerjasama Melayu-Islam sedikit sebanyak turut menawan hati pengundi Melayu yang 'cedera' dengan tindakan semasa Pakatan Harapan; dan pengundi masih dibelenggu dengan kos sara diri yang tinggi.

Khairul Arifin (2019) dalam pembentangan slaid yang bertajuk “Pasca PRU 14: Analisis Keputusan PRK & Kesannya Terhadap Landskap Politik Malaysia” menjelaskan bahawa adalah menjadi cabaran dalam mengurus persepsi, realiti dan inisiatif/tindakan bagi pihak yang berkuasa setelah menang dalam sesuatu pilihan raya. Seterusnya berlaku dinamika pengundi iaitu sokongan kepada parti politik dari segi birokrat (polis, tentera dan penjawat awam), segmen umur (muda dan tua), kaum, tempat tinggal, kecenderungan parti dan jantina. Trend pengundi BN dan PAS dari segi kerjasama politik boleh mempengaruhi keputusan pilihan raya dan status quo parti pasca PRU 2018 iaitu bagi PRK Semenyih dan Rantau adalah kekal.

Junaidi & Mazlan (2019) & Junaidi (2019) dalam kertas seminar yang bertajuk “Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia: Faktor Sokongan, Pola dan Impak” menjelaskan bahawa pasca PRU 2018 menyaksikan berlakunya 8 Pilihan Raya Kecil (PRK) yang diadakan sama ada kerana kematian penyandang, perletakan jawatan dan juga pembatalan keputusan PRU oleh arahan mahkamah. PRK tersebut merangkumi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Kandis, Seri Setia, Balakong, Semenyih, Rantau, Parlimen Port Dickson, Parlimen Cameron Highlands dan Parlimen Sandakan. Kesemua PRK tersebut menghasilkan faktor sokongan, pola dan impak tertentu terhadap sosioekonomi dan politik di negara ini. Secara keseluruhannya, faktor sokongan dalam PRK pasca PRU 2018 adalah kerana isu semasa, pengaruh media sosial, identifikasi parti, ketokohan pemimpin dan calon, manifesto atau janji pembangunan dan sentimen Melayu serta Islam. Pola undi dalam PRK mengikut etnik iaitu etnik Cina dan India masih memihak kepada PH manakala etnik Melayu majoritinya menyokong BN dan PAS.

Rosmadi, Mohd Muslim & Muhammad Fathi (2019) dalam bab dalam buku yang bertajuk ‘Cabaran Hala Tuju Politik Malaysia Pasca PRU Ke-14’ menjelaskan bahawa antara cabaran Kerajaan PH selepas menguasai Putrajaya ialah program pemulihan ekonomi negara dan mendapat sokongan daripada pengundi Melayu yang majoritinya menyokong BN dan PAS. PH juga perlu mendengar suara pengundi muda yang kini lebih matang dan bijak menilai maklumat yang mereka peroleh. Selain itu, rakyat juga telah muak dengan retorik politik yang tidak berkesudahan malahan tidak menguntungkan rakyat. Oleh itu, semua pihak perlu bekerja keras untuk membina negara ke landasan yang betul demi kesejahteraan rakyat di negara ini.

Edmund & Mohamed Nawab (2020) dalam bab dalam buku mereka yang bertajuk ‘Introduction: Malaysia’s 14<sup>th</sup> General Election and UMNO’s Fall: Intra-Elite Feuding and the Pursuit of Power’ menjelaskan bahawa terdapat beberapa faktor yang membawa kepada kekalahan BN dalam PRU 2018 antaranya ialah perpecahan dalam UMNO yang menyebabkan penubuhan parti serpihan iaitu BERSATU dan WARISAN yang membawa sekali pemimpin besar dan pengikutnya, perpecahan PAS yang membentuk parti AMANAH, pengukuhan PKR serta penggunaan 1 logo sahaja iaitu logo PKR mewakili PH yang mempunyai 4 parti komponen dalam PRU 2018, serta pengaruh dan pengalaman Tun Dr. Mahathir sebagai bekas Perdana Menteri.

### **2.3 Politik Pilihan Raya di Terengganu**

Yahaya (1990) dalam bukunya ‘Skandal Politik Wan Mokhtar Di Terengganu’ membongkarkan penyelewengan yang dilakukan oleh Wan Mokhtar iaitu Menteri Besar Terengganu yang tidak disenangi oleh rakyat negeri itu. Sisi gelap politik figura ini dirungkaikan meskipun beliau merupakan ulama pertama yang menjadi Menteri Besar di Malaysia. Wan Mokhtar adalah pemimpin yang taksuf pada Mahathir ketika itu, beliau akan mencantas musuh Mahathir dan gemar mengampu Mahathir dan hal ini dibuktikan apabila beliau sering memuji Mahathir dalam

doanya apabila membaca doa rasmi untuk perhimpunan agung UMNO. Malahan Wan Mokhtar meletakkan dirinya sebagai ahli politik lebih daripada seorang ulama. Ini ditunjukkan apabila Wan Mokhtar tidak senang ulama lain menandinginya di Terengganu dan kebimbangan terbesar Wan Mokhtar yang terbesar ialah pengaruh Semangat 46 dan PAS yang berleluasa dalam kalangan rakyat Terengganu. Antara ketidakadilan dan penyelewengan yang dibuat oleh figura ini ialah menganiayai rakyat, skandal perjudian, ampuisme dan penarikan balik peruntukan wakil rakyat.

Mohd Firdaus (1992) dalam bukunya 'Terengganu: Rahsia Yang Terbongkar' membincangkan mengenai zaman keruntuhan UMNO baru Terengganu akibat krisis UMNO 1987 dan faktor PAS yang memainkan peranan yang agresif dalam politik Terengganu. Ditambah dengan kemunculan teori domino dari Kelantan yang berjaya menukar arus sokongan politik rakyat Terengganu dari UMNO kepada PAS akibat kegagalan UMNO baru dalam memerintah Kelantan. Malah, krisis UMNO baru dengan pihak istana mengeruhkan keadaan dan timbul juga bukti bahawa kerajaan UMNO baru gagal dalam penggunaan wang rakyat secara tepat. Pengunduran Wan Mokhtar sebagai Menteri Besar Terengganu akibat kegagalan beliau dalam menguruskan pengaruh Angkatan Perpaduan Ummah (APU) pada PRU 1990 yang menyebabkan APU menang 10 kerusi DUN turut menambah kepada faktor kemerosotan UMNO baru.

Zulkifli (1994) dalam bukunya 'Operasi Tawan Terengganu' menjelaskan berkaitan usaha PAS untuk menumbangkan UMNO di Terengganu adalah bukan perkara yang mudah. Ini kerana dalam menentang UMNO, PAS perlu mengerahkan segala kekuatan yang ada dan menghimpunnya dalam sebuah kesatuan yang kukuh. Beliau juga menerangkan betapa pentingnya PAS dalam meningkatkan usaha dan keupayaan dalam menarik simpati golongan pengundi atas pagar. Namun begitu, terdapat beberapa faktor yang menguntungkan PAS seperti persempadanan semula kawasan pilihan raya (1992) dan faktor Tuan Guru Nik Abdul Aziz yang mampu menggugat Wan Mokhtar.

Junaidi (2003) dalam kajiannya 'Politik Baru: Satu Analisis Pilihan Raya Umum 1995 dan 1999 di Parlimen Kuala Terengganu, Terengganu' telah mengkaji faktor penyebab kemunculan 'politik baru' dalam PRU 1995 dan 1999. Hasil kajian menunjukkan pengundi pada PRU 1995 memilih UMNO kerana kestabilan sosial dan politik serta program pembangunan yang baik. Berbeza pula pada PRU 1999 yang menunjukkan kemunculan aliran fahaman 'politik baru' yang mengubah senario politik pengundi di Kuala Terengganu. Pengundi di kawasan kajian mengundi PAS dan PKR/KeADILan disebabkan oleh pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan isu Menteri Besar Terengganu yang sudah lama memerintah.

Mohammad Agus (2004) dalam kajian 'Politik Terengganu selepas Pilihan Raya Umum 1999: Dari Royalti ke Wang Ehsan' menyatakan bahawa keputusan pilihan raya umum 1999 menunjukkan beberapa pola baharu iaitu UMNO secara mengejut tewas di Terengganu, sokongan orang Melayu terhadap UMNO semakin merosot, majoriti pengundi muda tidak lagi bersama UMNO, dan UMNO sejak merdeka adalah parti pemerintah yang semakin hilang kredibiliti. Kajian ini membincangkan tentang krisis yang berlaku apabila parti BN mengambil keputusan mengejut untuk menggantikan pembayaran wang royalti oleh Petronas kepada kerajaan Terengganu dengan pemberian wang ihsan. Pertikaian ini berpunca daripada pentafsiran berbeza antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Kerajaan pusat mengatakan bahawa negeri ini tidak layak menerima bayaran royalti kerana perairan minyak yang digali luar dari kawasan pantai Terengganu manakala kerajaan Terengganu berkata perjanjian bersama Petronas adalah



kerajaan Terengganu layak menerima wang royalti. Walau bagaimanapun, isu yang berlaku ini merupakan isu politik dan perlu diselesaikan secara politik. Oleh itu, krisis yang berlaku ini juga boleh mempengaruhi sokongan pengundi kepada kerajaan negeri dan kerajaan pusat yang sedia ada.

Azmah (2013) dalam kajian ‘Perkembangan Politik dan Kesannya ke atas Pembangunan Ekonomi Terengganu, antara tahun 1955 hingga 1969’ mengatakan bahawa perkembangan politik dan pembangunan ekonomi adalah perkara yang berkait rapat. Sejak pilihan raya pertama diadakan di Terengganu, rakyat di negeri ini telah menunjukkan keprihatinan mereka ketika memilih pemimpin yang mampu membangunkan ekonomi Terengganu. Hasil kajian mendapati parti yang dipilih untuk memerintah negara dinilai dari segi kejayaan mereka mencapai matlamat seperti yang dijanjikan dalam manifesto pilihan raya di mana mereka menekankan aspek ekonomi sebagai keutamaan dalam usaha meraih sokongan rakyat. Oleh itu, perkembangan ekonomi dan prestasi pemimpin yang dipilih menjadi keutamaan rakyat di negeri Terengganu.

Hamdan (2015) dalam bukunya ‘Pilihan Raya Umum Terengganu 1955-2013’ membincangkan proses pilihan raya umum yang berlangsung di Terengganu dari PRU 1955 hingga PRU 2013. Dalam tempoh ini sebanyak enam pilihan raya umum telah dilaksanakan. Pelbagai input, kejutan dan keputusan yang menarik telah berlangsung dalam usaha rakyat Terengganu untuk meraikan hak demokrasi yang mereka ada bagi memilih parti memerintah yang sesuai untuk meneraju Terengganu. Tulisan beliau juga menerangkan pengalaman politik dan proses pilihan raya di Terengganu dimana semasa pilihan raya umum diperkenalkan buat pertama kalinya, PAS telah menang dengan majoriti mudah namun selepas dua tahun memerintah PAS disungkurkan apabila usul undi tidak percaya dikemukakan. Selepas itu bermula legasi pemerintahan UMNO selama 38 tahun dan kemudiannya, pelbagai perubahan politik telah berlaku di Terengganu sepanjang tempoh tersebut. Perubahan ini dipicu oleh kuasa pemilihan rakyat Terengganu dalam pilihan raya umum.

Junaidi dan Mazlan (2016) dalam kajian politik Terengganu dalam PRU 2013 mendapati keputusan PRU 2013 di Negeri Terengganu amat mengejutkan ramai pihak terutamanya pengkaji politik dan pemimpin politik pada peringkat nasional. Ini kerana fenomena kebalikan sokongan pengundi Melayu kepada BN/UMNO seluruh negara tidak terkesan di Terengganu sebaliknya hampir meruntuhkan BN di negeri Pantai Timur ini. Keputusan tipis kerusi DUN 17-15 BN berbanding PAS dan PKR dikatakan berpunca daripada kesilapan letakan dan percaturan calon BN yang tidak disukai pengundi muda dan atas pagar di samping pengaruh pendakwah terkenal iaitu Ustaz Azhar Idrus yang bersama dengan PAS telah menarik undi golongan muda dan atas pagar untuk menyokong PAS terutamanya di kawasan bandar dan separa bandar. Program PAS Ganti UMNO (PGU) anjuran Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu sejak tahun 2008 hingga 2013 di kesemua lapan Parlimen di negeri ini telah menunjukkan kesan positif kepada PAS yang hampir menawan Negeri Terengganu. Hampir kesemua kawasan DUN menyaksikan penurunan majoriti BN dan beberapa orang calon BN yang juga merupakan EXCO Kerajaan Negeri Terengganu telah tewas mengejut kepada calon baru daripada PAS. Keadaan dirumitkan lagi dengan kematian ADUN Kuala Besut yang juga EXCO Kerajaan Terengganu yang menyaksikan akan berlakunya Pilihan Raya Kecil (PRK) yang pertama di negara ini seterusnya menjadikan penguasaan kerusi DUN Terengganu 16-BN dan 15-PR. Dari segi pola pengundian, PAS dan PKR menang di kawasan bandar yang mempunyai pengundi yang bermaklumat dan mengalami penembusan internet dan media sosial yang baik, berbanding dengan BN yang menang kebanyakannya di kawasan luar bandar yang mempunyai kehidupan serba miskin dan memerlukan bantuan pihak berkuasa serta hanya bergantung kepada sumber

maklumat politik daripada media arus perdana. Penguasaan tipis BN di Terengganu juga menyaksikan Terengganu hampir terjebak dalam krisis politik berikutan perantikan Ahmad Razif Abdul Rahman (ADUN Seberang Takir) sebagai Menteri Besar baru bagi menggantikan Ahmad Said pada Mei 2014. Ahmad Said dan beberapa lagi ADUN mengisytiharkan keluar UMNO sebelum menarik semula keputusannya itu.

Junaidi et al. (2016) dalam kajian geografi pilihan raya di kawasan DUN Manir, Terengganu mendapati bahawa faktor idealisme atau fahaman keislaman dan perkauman Melayu yang kuat dan sehati, ketokohan calon, faktor sosiologi atau kekeluargaan, faktor anak tempatan, faktor kekuatan jentera parti dan faktor isu semasa dan setempat mempengaruhi sokongan pengundi kepada PAS dan BN/UMNO mengikut kawasan Daerah Mengundi tertentu. Pengundi di kawasan DUN Manir ini yang tidak terlalu ramai (tidak lebih 15,000 orang pengundi pada PRU 2014), lebih ramai bersikap partisan turun-temurun dalam keluarga masing-masing serta pengundi atas pagar yang agak minimum menyebabkan jentera parti berkempen untuk mengukuhkan sokongan ahli parti sahaja. Meskipun kawasan DUN Manir dimenangi PAS terus-menerus sejak PRU 1990-2013 iaitu selama 6 penggal berturut-turut namun dengan majoriti yang kurang 500 undi setiap pilihan raya tersebut (kecuali PRU 1999 dan 2013) membuktikan kawasan ini masih mampu sama ada kekal dimenangi PAS ataupun masih dapat ditawan oleh BN/UMNO. Justeru, kawasan yang marginal ini menarik untuk dikaji atau dianalisis terhadap perubahan persempadanan bahagian pilihan raya, komposisi etnik pengundi, keputusan pilihan raya, faktor kemenangan atau kekalahan dan pola pengundian untuk kegunaan dan rujukan parti politik mahupun ahli akademik dan pihak berkuasa/kerajaan kelak.

Awang (2016) dalam tulisannya 'UMNO Terengganu Dalam Pilihan Raya Umum 2004: Analisis Faktor Dalaman dan Luaran yang Mempengaruhi Kemenangan' menjelaskan pemilihan rakyat Terengganu yang membawa kejutan iaitu dengan memilih PAS untuk memerintah pada 1999 dan memilih kembali UMNO untuk menerajui pentadbiran pada 2004 adalah kerana rakyat Terengganu menggunakan Rational Choice Theory (RCT). Di mana, rakyat Terengganu hanya sekumpulan manusia biasa yang bertindak rasional dalam memilih parti politik yang akan memberikan keuntungan kepada diri mereka sendiri.

Mohd Azizuddin (2017) dalam artikel 'PRU 14: Pembangkang Ada Peluang Rampas Terengganu' yang ditulis oleh Haslina dalam akhbar Sinar Harian menerangkan terdapat beberapa faktor yang dilihat menjadi penyumbang kepada peralihan kuasa. Antaranya berlaku perbalahan antara pemimpin negeri, perpecahan parti, sabotaj dan isu dalaman lain yang menyebabkan pengundi tidak yakin pada BN dalam meneruskan kelangsungan pentadbiran sedia ada.

Mohd Hasbie (2017) dalam bukunya 'Politik Terengganu: Perkembangan dan Pergolakan' meringkaskan bahawa rakyat Terengganu berani untuk membuat perubahan dengan menggunakan kuasa undi mereka dalam menumbangkan parti memerintah dalam pilihan raya dan suara rakyat Terengganu juga keramat apabila ramai Menteri Besar yang digantikan melalui usul undi tidak percaya. Beliau juga menekankan bahawa politik Terengganu penuh dengan kejutan, konflik dan kontroversi yang perlu diperhalusi agar ia menjadi iktibar dan teladan berguna pada masa hadapan.

Wan Zulkifli (2018) dalam analisis 'Riak Pergolakan Pakatan Harapan Terengganu' membedah masalah pembahagian kerusi Dewan Undangan Negeri dalam kalangan parti dalam Pakatan Harapan iaitu PPBM, PKR dan AMANAH. Kekusutan ini timbul apabila melibatkan tuntutan bertindih bagi beberapa kerusi oleh PKR dan AMANAH. Malah AMANAH juga dilihat menuntut lebih banyak kerusi lebih-lebih lagi di kawasan yang dikuasai PAS. Pembahagian yang

strategik turut berlaku apabila parti yang bertanding di sesuatu Parlimen tidak diturunkan bertanding untuk DUN dibawah Parlimen yang sama. Hal ini menyebabkan Pakatan Harapan khususnya tidak dapat mengukuhkan tunjangnya.

Mazlan (2018) dalam Forum Pasca PRU14: Gelombang Rakyat dengan tajuk pembentangan beliau iaitu “Tsunami hijau Pantai Timur PRU-14: Gelombang PAS atau gelombang rakyat?” menimbulkan persoalan iaitu ‘Adakah tsunami hijau yang berlaku di negeri pantai timur dalam PRU-14 lalu disebabkan gelombang sokongan terhadap keabsahan perjuangan PAS atau wujudnya gelombang massa rakyat menyokong asalkan bukan UMNO-BN. Kemudian beliau menjelaskan faktor kemenangan PAS di Pantai Timur adalah berdasarkan beberapa perkara berikut iaitu 1) Ciri-ciri politik Terengganu (lokaliti/tempatan, kenal UMNO PAS, Orthodox Islamist Vs Bureaucratic Islamist/Conservative Islamis, 2) Doktrin agama (agama dan ideologi, hudud, RUU335, undi PH = undi DAP), 3) Isu nasional kelemahan polisi Najib Razak (1MDB, GST, kenaikan kos sara hidup dan rasuah), 4) Peranan Tun Dr. Mahathir Mohamad (rekod hitam Tun, sikap Tun terhadap Islam, bongkar Najib, kuda DAP), 5) Kebangkitan orang muda (celik politik/kerangka orthodox, tarikh mengundi rabu 9 hb = menapis pengundi dan sentimen anti Najib/UMNO), 6) Kekuatan jentera (PAS monopoli, kempen/jentera agresif, PAS juarai perang poster), dan 7) Dilema/krisis UMNO (sabotaj calon, wujud BERSATU/peranan Tun, politik wang/rasuah).

Dalam kajian Ilyas, Jamaie & Sity (2018a) yang bertajuk ‘Pendekatan Teori Pilihan Rasional: Analisis terhadap Budaya Politik Melayu Terengganu’ menunjukkan sambutan masyarakat Melayu Terengganu terhadap parti politik UMNO dan PAS lebih dominan berbanding parti pembangkang yang lain. Hal ini dapat dibuktikan melalui keputusan pilihan raya di Terengganu sejak tahun 1959 sehingga tahun 2013. Walau bagaimanapun, budaya politik Melayu telah berubah rentetan daripada pergolakan politik yang berlaku pada tahun 1998. Perubahan budaya politik di Malaysia pasca PRU-10 dikaitkan dengan teori pilihan rasional. Masyarakat Melayu menjadi lebih rasional dalam pemilihan pemimpin. Pembangunan ekonomi dan nilai materialis yang mementingkan kemewahan serta kebendaan tidak lagi diberi keutamaan malah masyarakat lebih mengutamakan tadbir urus yang baik, ketelusan pentadbiran, pembangunan yang adil dan seimbang.

Dalam kajian Ilyas & Saadatun (2018) yang bertajuk ‘Dinamika Budaya Politik Melayu dalam Pilihan Raya tahun 1999-2018: Terhentinya Dominasi BN di Terengganu’ menunjukkan sambutan masyarakat Melayu Terengganu terhadap parti selain BN dan PAS adalah kurang menggalakkan. Walaupun parti pembangkang yang lain turut terlibat dan memenangi beberapa kerusi dalam pilihan raya di negeri ini namun sokongan yang diberikan kepada parti tersebut tidak konsisten sepertimana sokongan yang diberikan kepada BN dan PAS. Hal ini kerana masyarakat di Terengganu tidak terikat dengan mana-mana parti politik atau individu yang berpengaruh dalam menentukan masa depan mereka. Oleh sebab itu, mereka bebas menyokong mana-mana parti yang mereka yakin layak untuk mentadbir urus negeri.

Dalam kajian Ilyas, Jamaie & Sity (2018b) yang bertajuk ‘Politik Baru Pasca PRU-10: Analisis terhadap Transformasi Budaya Politik Melayu Terengganu’ membincangkan transformasi budaya politik masyarakat Melayu di Terengganu yang dimanifestasikan selepas peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim. Peristiwa tersebut telah mewujudkan satu gelombang penentangan masyarakat Melayu Terengganu terhadap UMNO dan sokongan terhadap parti ini bertambah buruk. Hasil kajian menunjukkan bahawa pembangunan merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembentukan budaya politik Melayu di Terengganu. Namun, selepas PRU-

10, masyarakat Melayu mula melihat bahawa pembangunan bukan lagi menjadi keutamaan sebaliknya lebih mementingkan aspek keadilan dalam pemerintahan.

Dalam kajian Ilyas & Saadatun (2019) yang bertajuk 'Perkembangan Awal Gerakan Sosio Politik Melayu di Terengganu: Tinjauan daripada Aspek Prasejarahan' menunjukkan terdapat beberapa dinamika unik dalam latar belakang sejarah Terengganu yang menarik dalam proses gerakan sosio politiknya. Salah satu daripadanya adalah kerana Negeri Terengganu merupakan negeri paling awal menerima kedatangan Islam di Tanah Melayu. Penglibatan awal masyarakat Melayu Terengganu dalam pilihan raya serta pembentukan budaya politiknya didorong oleh elemen Islam dan Melayu. UMNO menjadi pendukung perjuangan dalam memartabatkan institusi raja dan ketuanan Melayu mendapat sokongan kuat di Terengganu. Walau bagaimanapun, kemunculan PAS pada tahun 1956 di Terengganu mula memperlihatkan persaingan ke atas pengaruh UMNO sehingga ke hari ini.

### **3. Metod Dan Kawasan Kajian**

#### **3.1 Kaedah Pengumpulan Data Primer**

Dalam kaedah pengumpulan data primer ini pengkaji menggunakan tiga kaedah pengumpulan maklumat dan data. Antaranya adalah kaedah soal selidik, kaedah temu bual, dan kaedah pemerhatian di lapangan.

##### *3.1.1 Soal selidik*

Kaedah soal selidik adalah salah satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat penting daripada responden. Soal selidik ini melibatkan seramai 100 orang responden lelaki dan perempuan yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur yang layak mengundi yang berumur 21 tahun dan keatas. Terdapat pelbagai maklumat penting dan persoalan yang ditanya oleh pengkaji dalam borang soal selidik yang terbahagi kepada beberapa bahagian. Kaedah ini penting untuk membantu pengkaji dalam menyiapkan penyelidikan berkaitan isu ini.

##### *3.1.2 Temu bual*

Kaedah temu bual ini penting bagi memperoleh maklumat lisan tentang penyelidikan secara informal. Temu bual ini melibatkan lima orang individu iaitu terdiri daripada pengundi di kawasan kajian. Berdasarkan topik dan persoalan yang dibincangkan dalam temu bual ini, pengkaji boleh melihat dan mendengar sendiri pandangan mereka sebagai pengundi terhadap keadaan politik pilihan raya di kawasan kajian. Kaedah ini sangat penting sangat membantu pengkaji dalam penyelidikan yang dijalankan ini.

##### *3.1.3 Pemerhatian di lapangan*

Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengukur pembolehubah penyelidikan selain daripada kaedah soal selidik dan kaedah temu bual. Pemerhatian ini dilakukan sendiri oleh pengkaji dengan cara pengkaji turun ke lapangan pada waktu yang telah ditetapkan. Melalui kaedah pemerhatian ini, pengkaji dapat melihat sendiri tingkah laku yang

ditunjukkan oleh pengundi di kawasan kajian. Kaedah ini penting bagi membantu pengkaji dalam menyiapkan penyelidikan ini.

### **3.2 Kaedah Pengumpulan Data Sekunder**

Dalam kaedah pengumpulan data sekunder pula pengkaji akan menggunakan dua kaedah pengumpulan maklumat dan data. Antaranya adalah kajian kepustakaan dan kajian atas talian atau kajian internet.

#### **3.2.1 Kajian kepustakaan**

Perpustakaan merupakan tempat paling utama untuk memperoleh sesuatu maklumat ataupun data. Ianya terdapat dalam pelbagai bentuk antaranya buku, majalah, jurnal, risalah, akhbar, artikel, laporan bulanan dan tahunan kerajaan. Perpustakaan yang sering dikunjungi oleh pengkaji untuk mendapatkan sumber maklumat dan data adalah Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Akhbar yang menjadi rujukan pula seperti Utusan Malaysia, Kosmo, Berita Harian, Harakah, Suara Keadilan dan Suara Amanah.

#### **3.2.2 Kajian atas talian/internet**

Dalam kajian ini, pengkaji juga mendapatkan maklumat dan membuat rujukan secara online di internet. Antaranya adalah melalui laman web yang berkaitan politik pilihan raya, akhbar *online*, *blog*, *aplikasi whatsapp*, *facebook*, *Instagram*, *twitter*, *telegram*, *youtube* dan pelbagai lain. Rujukan secara online ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji memperoleh maklumat berkaitan politik yang diperlukan dalam menyiapkan penyelidikan ini.

### **3.3 Teknik Menganalisis Data**


Selepas menjalankan soal selidik, data yang diperoleh dikumpul untuk dianalisis. Proses penganalisan data dilakukan dengan menggunakan aplikasi ‘Statistical Package for The Social Science Version Personal Computer’ atau dipanggil SPSS PC. Aplikasi SPSS ini sememangnya mempunyai banyak kelebihan kerana ia dapat menganalisis pelbagai jenis data serta dapat menghasilkan satu rumusan data yang ringkas, tepat dan padat. Penggunaan aplikasi ini dapat membantu pengkaji menjimatkan masa dalam proses penganalisan data.

### **3.4 Kawasan DUN Bukit Besi**

#### **3.4.1 Sejarah kewujudan**

Bukit Besi yang terletak di daerah Dungun, Terengganu sudah tidak asing lagi dalam kalangan rakyat Malaysia. Tempat yang sarat dengan sejarah ini merupakan sebuah bandar perlombongan pada satu ketika dahulu. Kegiatan perlombongan bijih besi di Bukit Besi bermula apabila seorang ahli kaji bumi dari Jepun, Mr. Kuhara datang ke Kampung Cemuak, salah sebuah kampung di Hulu Dungun pada tahun 1916. Beliau mendapati bahawa terdapat banyak bijih besi di kawasan tersebut. Bijih besi ini diangkut menggunakan kereta sorong dari Bukit Besi ke Kampung Dendang iaitu sebuah kampung yang berdekatan dengan Bukit Besi. Kemudian ia dibawa pula ke Dungun menggunakan bot. Syarikat Kuhara Mining Ltd. bertanggungjawab

sepenuhnya dalam menjalankan kegiatan melombong bijih besi secara tidak rasmi semenjak 1927. Syarikat ini kemudian ditukar nama kepada Nippon Mining Company (NMC). Pengeluaran bijih besi oleh Syarikat NMC ini mencapai kemuncaknya antara tahun 1936 - 1940. Selepas itu, ia mula menurun dan berakhir pada tahun 1945, iaitu selepas Jepun menyerah kalah kepada British dalam Perang Dunia ke II (<https://www.ketengah.gov.my/bukit-besi/>). Kawasan DUN Bukit Besi mempunyai 13 kawasan Daerah Mengundi (DM) (Lihat Rajah 1).



RAJAH 1. Peta Kawasan/Bahagian Pilihan Raya DUN (N.25) Bukit Besi, Terengganu

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2018

### 3.4.2 Keadaan geografi

Lokasi kajian yang dipilih dalam kajian ini adalah Bukit Besi, Dungun, Terengganu. Kawasan ini terletak di daerah Dungun. Jarak lokasi ini dengan bandar Dungun adalah kira-kira 33 km manakala jarak dengan bandaraya Kuala Terengganu pula adalah kira-kira 77 km. Keluasan kawasan ini adalah kira-kira 1,080 ekar. Lokasi kajian ini terletak berdekatan dengan Bandar Al Muktafi Billah Shah. Koordinat Bukit Besi ialah 4°45'Utara, 103°10'Timur. Bukit Besi terletak dalam kawasan Ketengah (Kemajuan Terengganu Tengah). Kawasan Bukit Besi ini juga terletak dalam jajaran Lebuhraya Jerangau – Jabor.

### 3.4.3 Populasi penduduk

Penduduk yang tinggal di kawasan kajian ini iaitu di kawasan Bukit Besi ini terdiri daripada pelbagai kaum. Antaranya, Melayu, Cina, India, Bumiputera Sabah dan Sarawak. Penduduk di sini mengamalkan kehidupan yang harmoni walaupun terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang yang berbeza. Penduduk di sini bekerja dalam pelbagai sektor pekerjaan termasuklah

bekerja dengan kerajaan, swasta dan bekerja sendiri. Pertumbuhan penduduk di kawasan ini juga semakin meningkat ekoran daripada beberapa peningkatan dalam pelbagai aspek yang disediakan di kawasan ini termasuklah dari segi kemudahan kesihatan untuk jangka hayat penduduk, kemudahan sosial yang disediakan di kawasan ini serta kemajuan yang ditingkatkan dalam sektor pelancongan dari semasa ke semasa.

#### 3.4.4 *Pembangunan ekonomi*

Pada suatu ketika dahulu, pembangunan ekonomi di kawasan ini sangat maju ekoran daripada aktiviti perlombongan bijih besi yang dijalankan di sini. Kehidupan penduduk di sini juga agak mewah. Pada masa kini pula, kawasan Bukit Besi ini dibangunkan dengan tempat pelancongan atau rekreasi yang menarik untuk dilawati dan dikunjungi oleh orang ramai iaitu kawasan Tasik Puteri. Kawasan ini berdekatan dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Bukit Besi. Ia juga merupakan salah satu pembangunan yang dibangunkan di kawasan ini. Kawasan ini menjadi tumpuan orang ramai khususnya pada hujung minggu kerana terdapat pelbagai aktiviti yang boleh dilakukan di sini. Antaranya, berkelah, mandi di air terjun dan permainan ATV juga ada disediakan di kawasan ini. Aktiviti ini bukan sahaja mampu menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke sini malah mampu meningkatkan lagi ekonomi negara melalui sektor pelancongan rekreasi yang dijalankan di kawasan ini.

#### 3.4.5 *Kemudahan sosial*

Kawasan ini merupakan salah sebuah kawasan yang telah dibangunkan dan dimajukan oleh pihak kerajaan. Kawasan ini merupakan kawasan yang mampu menarik tumpuan orang ramai untuk datang berkunjung. Oleh itu, pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan sosial untuk memberi keselesaan dan kemudahan kepada orang ramai dan juga kepada penduduk di kawasan ini. Antaranya adalah klinik kesihatan, pejabat pos, kemudahan pengangkutan awam, balai polis, balai bomba, sekolah, IPTA, IPTS dan lain-lain lagi. Kemudahan yang disediakan ini juga memberi banyak manfaat kepada penduduk di sekitarnya di samping meningkatkan lagi kemajuan di kawasan ini agar terus dikenali oleh masyarakat luar.

#### 3.4.6 *Sejarah politik*


ADUN N.25 Bukit Besi bagi PRU-12 (2008) ialah Datuk Din Adam dari Barisan Nasional. Beliau menang dengan memperoleh 6,037 undi mengalahkan calon PAS iaitu Nordin bin Othman yang memperoleh 3,545 undi. Pada PRU-13 iaitu pada tahun 2013, calon daripada BN yang bertanding iaitu Roslee bin Daud menang dengan memperoleh 6,966 undi dan mengalahkan calon daripada PAS iaitu Roslan bin Ismail yang memperoleh 4,408 undi. Seterusnya, pada PRU-14 (2018) baru-baru ini, sekali lagi Roslee bin Daud calon daripada BN telah menang dengan memperoleh 5,770 undi mengalahkan calon daripada PAS iaitu Haji Ghazali Sulaiman yang memperoleh 5,724 undi dan juga calon daripada PKR iaitu Mohammad Arif Arifin yang memperoleh 487 undi ([http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5\\_KeputusanKeseluruhan.php](http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KeputusanKeseluruhan.php)). BN menang tipis dalam PRU tersebut. Hal ini kerana satu peti undi daripada DUN N.25 Bukit Besi telah ditukar kepada DUN N.26 Rantau Abang dengan tujuan untuk menambah jumlah pengundi daripada BN di DUN tersebut namun begitu usaha itu gagal kerana PAS tetap menang di N.26 Rantau Abang dalam pilihan raya baru-baru ini.

## 4. HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 4.1 *Sumber Maklumat Yang Paling Dipercayai*

Melalui kajian ini, didapati bahawa responden sangat mempercayai sumber maklumat mengenai negeri atau negara melalui media elektronik iaitu diwakili sebanyak 54 peratus berbanding media alternatif sebanyak 30 peratus dan media cetak sebanyak 16 peratus (Rujuk Rajah 2). Media elektronik menunjukkan peratusan tertinggi kerana mereka beranggapan maklumat yang disalurkan daripada media elektronik ini lebih tepat dan benar berbanding dengan media-media yang lain. Contohnya melalui siaran berita di televisyen mahupun radio.

Media alternatif pula menunjukkan peratusan kedua tertinggi kerana kebanyakan rakyat Malaysia hari ini menggunakan media alternatif sepanjang hari untuk pelbagai tujuan. Jadi, kemungkinan untuk mereka mempercayai media alternatif juga tinggi kerana maklumat atau isu-isu semasa berkaitan negeri dan negara cepat tersebar. Media cetak pula hanya menunjukkan peratusan yang rendah berbanding dengan media elektronik dan media alternatif kerana kebanyakan rakyat beranggapan bahawa sumber maklumat daripada media cetak ini mengandungi tambahan cerita yang tidak sahih ekoran daripada maklumat daripada media cetak ini lambat dikeluarkan atau tersebar.



RAJAH 2. Sumber Maklumat Yang Paling Dipercayai

Sumber: Soal Selidik 2020


### 4.3 *Penilaian Sumber Maklumat Yang Diperoleh*

Berdasarkan Rajah 3, didapati bahawa terdapat sebanyak 73 peratus responden menilai maklumat yang disampaikan melalui apa jua sumber yang diperolehnya. Hal ini berlaku disebabkan sikap responden di kawasan kajian ini yang masih tidak percaya akan kesahihan



maklumat yang diperolehnya akibat daripada pelbagai penipuan maklumat yang berlaku pada masa kini.

Di samping itu, responden di kawasan kajian ini juga peka dan prihatin terhadap isu-isu semasa yang berlaku di negeri dan juga negara ini. Namun, 27 peratus responden pula tidak menilai apa jua maklumat yang diperolehi. Mereka hanya menerima sahaja apa jua maklumat yang mereka perolehi. Hal ini berlaku disebabkan mereka terlalu sibuk sehingga tiada masa untuk menilai sebarang maklumat yang diperolehi. Mereka juga mungkin tidak prihatin atau tidak berminat untuk mengetahui sebarang isu yang berlaku di negeri dan negara ini mahupun di kawasan mereka sendiri.



RAJAH 3. Penilaian Sumber Maklumat Yang Diperoleh

Sumber: Soal Selidik 2020

#### 4.4 *Pendapat Umum Mengenai Isu Dan Dasar Kerajaan Negeri Terengganu*

Jadual 1 menunjukkan pendapat umum rakyat negeri ini terhadap beberapa isu dan dasar Kerajaan Negeri Terengganu. Berdasarkan Jadual 1, 97 peratus rakyat di kawasan kajian ini setuju dengan isu dan dasar Kerajaan Negeri Terengganu seperti negeri Terengganu akan terus menjadi antara destinasi pelancongan yang menarik di negara ini, sektor pelancongan di negeri Terengganu mampu menyumbang kepada peningkatan ekonomi negeri ini, pembinaan kereta api elektrik ECRL perlu diteruskan kerana ia bermanfaat untuk penduduk negeri Terengganu, dan karnival kahwin perdana secara percuma dapat membantu golongan muda yang kurang berkemampuan. Isu dan dasar yang mencatat keputusan tertinggi seterusnya pula adalah berkenaan dengan isu Menteri Besar Terengganu yang baharu sekarang (Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar) diterima baik oleh rakyat Terengganu dengan peratusan sebanyak 96 peratus.

Sebilangan besar rakyat negeri ini bersetuju bahawa Negeri Terengganu akan terus menjadi antara destinasi pelancongan yang menarik di negara ini. Hal ini kerana negeri ini sangat

terkenal dengan pelbagai destinasi pelancongan yang menarik dan sering menjadi tumpuan pelancong dari dalam mahupun luar negara. Negeri ini mempunyai pelbagai pulau yang menjadi destinasi pelancongan seperti Pulau Redang, Pulau Perhentian, dan Pulau Kapas. Di samping itu, warisan kebudayaan, makanan dan pakaian juga menjadi salah satu daya penarik untuk pelancong datang berkunjung ke negeri ini. Pihak berkuasa di negeri ini juga dilihat sentiasa menambah baik tarikan pelancongan yang terdapat di negeri ini dari semasa ke semasa untuk menarik lebih ramai lagi pelancong datang ke negeri Pantai Timur ini.

JADUAL 1. Pendapat umum mengenai isu dan dasar Kerajaan Negeri Terengganu

Isu-isu dan Dasar Kerajaan Terengganu	Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti
1. Negeri Terengganu akan terus menjadi antara destinasi pelancongan yang menarik di negara ini.	97	0	3
2. Sektor pelancongan di negeri Terengganu mampu menyumbang kepada peningkatan ekonomi negeri ini.	97	0	3
3. Pembinaan kereta api elektrik ECRL perlu diteruskan kerana ia bermanfaat untuk penduduk negeri Terengganu.	97	0	3
4. Karnival kahwin perdana secara percuma dapat membantu golongan muda yang kurang berkemampuan.	97	0	3
5. Menteri Besar Terengganu yang baharu sekarang (Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar) diterima baik oleh rakyat Terengganu.	96	9	4
6. Slogan "Terengganu Maju, Berkat Sejahtera" diterima baik oleh rakyat negeri Terengganu.	95	0	5
7. Kerajaan Terengganu bersikap adil dan telus terhadap semua pihak tanpa mengira bangsa dan agama.	95	0	4
8. Kerajaan Pusat wajar memberikan wang royalti petroleum kepada Kerajaan Terengganu untuk diuruskan bagi kepentingan rakyat Terengganu.	90	0	10
9. Kerajaan Negeri komited dalam membantu mangsa banjir di negeri ini.	88	6	6
10. Pemberian lesen motosikal secara percuma kepada golongan belia membantu meringankan beban keluarga.	84	13	3
11. Pembinaan LPT3 daripada Kampung Gemuruh ke Besut perlu diteruskan kerana ia memberi banyak manfaat kepada semua pihak.	83	6	11
12. Kerajaan PAS Terengganu perlu meneruskan dasar pemerintahan kerajaan terdahulu (BN) untuk kebaikan rakyat.	81	0	19
13. Kerajaan Negeri komited memajukan pendidikan agama di negeri ini.	79	1	20
14. Usaha Kerajaan Terengganu memperkukuhkan perpaduan dapat mengelakkan sebarang tindakan yang boleh menjejaskan atau menggugat keharmonian negeri ini.	75	10	15

15. Sektor perindustrian di negeri ini memberi manfaat kepada rakyat	74	1	25
16. Kerajaan negeri tegas dalam menangani isu jenayah di negeri ini.	74	22	4
17. Program Fit Malaysia yang diadakan di Dataran Batu Burok perlu diteruskan lagi untuk menarik penyertaan daripada pelbagai lapisan masyarakat.	73	1	26
18. Bayaran terhadap setiap plastik di pasar raya sebanyak RM 0.20 di negeri Terengganu setiap hari adalah wajar untuk menjayakan bagi 'kempen bebas plastik' di negeri ini ke arah alam sekitar yang baik.	72	23	5
19. Pembangunan di Negeri Terengganu adalah memuaskan.	70	14	16
20. Jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar di Terengganu masih seimbang.	70	13	17
21. Kewujudan MPKKP yang menggantikan MPKK adalah satu langkah yang baik dari segi pengurusan dan diterima baik oleh rakyat agar tidak membezakan fahaman politik penduduk kampung.	69	11	20
22. Kerajaan Terengganu telah berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk kebajikan rakyat di negeri ini.	68	18	14
23. Jenayah di Negeri Terengganu adalah terkawal.	63	20	17
24. Kerajaan Terengganu memberi penekanan kepada tadbir urus dan tatakelola yang baik dan berintegriti.	62	12	26
25. Perkhidmatan kakitangan Kerajaan Terengganu adalah cekap dan telus.	61	4	35
26. Kerajaan Terengganu memberikan kerjasama yang baik terhadap Kerajaan Pusat dari segi projek pembangunan dan senarai bersama.	56	11	33
27. Pembentangan belanjawan Negeri Terengganu 2020 memberi bermanfaat untuk rakyat di negeri ini.	54	11	35
28. Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh dalam menyelenggara jalan raya di negeri ini.	51	10	39
29. Isu kutipan sampah diselesaikan dengan baik oleh PBT di Terengganu.	43	24	33
30. Prestasi kewangan kerajaan Terengganu bagi 2018 yang kurang stabil menurut laporan Ketua Audit Negara menunjukkan kelemahan pengurusan kewangan oleh Kerajaan Negeri Terengganu.	31	11	58

Sumber: Soal Selidik 2020

Dalam pada masa yang sama, sektor pelancongan di negeri Terengganu mampu menyumbang kepada peningkatan ekonomi negeri ini. Hal ini dikatakan demikian kerana sektor pelancongan merupakan antara sektor yang paling banyak menyumbang kepada ekonomi negara.

Negeri ini mempunyai pelbagai produk pelancongan yang mampu menyumbang kepada ekonomi negeri ini dengan kehadiran pelancong yang ramai. Di samping itu, industri sampingan juga turut terkesan dengan kedatangan pelancong yang melancong ke negeri ini, maka industri seperti perhotelan, pengangkutan dan sebagainya juga mampu mengaut keuntungan seterusnya meningkatkan ekonomi negeri ini.

Pembinaan kereta api elektrik ECRL perlu diteruskan kerana ia bermanfaat untuk penduduk di Negeri Terengganu ini. Kewujudan ECRL ini dijangka akan memberi manfaat kepada industri sampingan seperti pelancongan, perhotelan, kedai makan, peruncitan dan sebagainya. Selain itu, sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negeri ini turut mendapat manfaat di samping membuka pelbagai peluang pekerjaan kepada rakyat di negeri ini. Pembinaan ECRL ini juga memberi kemudahan kepada rakyat dari segi pengangkutan dan perjalanan yang menjimatkan masa dengan kadar tambang yang lebih murah.

Selain itu, karnival kahwin perdana secara percuma dapat membantu golongan muda yang kurang berkemampuan. Hal ini kerana ia bertujuan untuk mengurangkan bebanan kewangan pasangan muda yang berhasrat untuk mendirikan rumah tangga. Pasangan yang dipilih untuk melangsungkan perkahwinan ini tidak perlu mengeluarkan kos, sebaliknya semua peruntukan disediakan oleh kerajaan negeri ini. Semua perbelanjaan termasuklah mengadakan jamuan perkahwinan, set persalinan pakaian pengantin untuk majlis akad nikah, khidmat jurunikah, dokumen nikah, set perkahwinan termasuk pelamin, kad jemputan perkahwinan dan khidmat jurugambar akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Pasangan pengantin juga diberikan wang tunai sebanyak RM 1,000 sebagai hadiah perkahwinan.

Menteri Besar Terengganu yang baharu sekarang (Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar) diterima baik oleh rakyat Terengganu. Hal ini dikatakan demikian kerana rakyat negeri ini menyambut baik kepimpinan di bawah kerajaan baharu ini. Manifesto yang dijanjikan oleh kerajaan baharu ini juga dilaksanakan dengan baik seperti yang dijanjikan walaupun ianya tidak terlaksana sepenuhnya lagi. Menteri Besar negeri ini juga merupakan seorang pemimpin yang berjiwa rakyat dan sentiasa mengutamakan kebajikan dan kepetingan rakyat. Oleh hal yang demikian, beliau sangat disenangani dan diterima baik oleh rakyat di negeri ini.

Berdasarkan temu bual bersama Encik Yulandee bin Che Mohd (Penghulu Mukim Jengai, Dungun, Terengganu), beliau berkata bahawa "Urusan pentadbiran negeri ini sepanjang berada di bawah pimpinan PAS masih berada dalam keadaan yang baik. Dari segi pembangunan sosioekonomi pula dilihat bergerak dan dilaksanakan seperti apa yang dirancang oleh kerajaan negeri di mana keperluan rakyat negeri ini juga dapat dipenuhi seperti yang dijanjikan. Dari segi keberkesanan pentadbiran baharu di negeri ini pula dikatakan terlalu awal untuk dinilai berbanding dengan kerajaan yang lama dan ianya juga dilihat belum mencapai tahap seperti yang diinginkan oleh rakyat, namun pelaksanaan yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri ini dilihat ke arah untuk memenuhi keperluan rakyat seperti yang telah dijanjikan dalam manifesto" (Temu bual, 23 Januari 2020).

Berdasarkan temu bual bersama Encik Mohd Hanif Safwan bin Mansor (Timbalan Ketua Pemuda PAS, DUN Bukit Besi, Dungun, Terengganu), beliau berkata bahawa "Pentadbiran negeri di bawah pimpinan PAS dilihat suatu perkara yang positif di mana tiada sistem balas dendam, mentadbir dengan penuh kematangan, tiada perbalahan antara parti politik. Hubungan Kerajaan PAS sekarang dengan kerajaan yang lama dulu sangat baik. Agihan bajet untuk DUN di bawah pimpinan parti BN juga diagihkan sama rata demi kebajikan rakyat dan tidak mengira perbezaan parti politik. Dari segi pembangunan sosioekonomi pula dilihat kerajaan negeri berusaha untuk membangunkan dan melaksanakan pelbagai inisiatif yang memberi keutamaan

kepada rakyat seperti mewujudkan peluang pekerjaan dan memberi modal perniagaan kepada usahawan pertanian di negeri ini. Dari segi keberkesanan pentadbiran baharu di negeri ini pula dilihat berada dalam keadaan yang baik, melaksanakan urusan pentadbiran dengan matang tanpa perbalahan. Organisasi pentadbiran juga dilihat berjalan dengan baik daripada pimpinan bawahan hingga ke pimpinan atasan meskipun ada segelintir masalah yang dihadapi dari segi pengurusan dan tadbir urus yang baharu ini” (Temu bual, 23 Januari 2020).

Berdasarkan temu bual bersama Encik Mohd Arfan bin Mat Tahir (MPKK Kampung Jerangau, Dungun, Terengganu), beliau berkata bahawa “Setakat hari ini, pentadbiran negeri ini dilihat berada dalam keadaan yang baik. Dari segi pembangunan sosioekonomi negeri ini pula dilihat pihak kerajaan masih berusaha untuk melaksanakan semua manifesto yang dijanjikan sementara terdapat lebih daripada separuh manifesto negeri ini telah dilaksanakan dengan baik. Dari segi keberkesanan pentadbiran baharu di negeri ini dilihat berada dalam keadaan yang baik. Pentadbiran baharu ini juga dilihat melaksanakan pentadbiran dan tadbir urus yang matang. Masalah-masalah yang dihadapi oleh pentadbiran negeri ini diselesaikan dengan baik dan matang tanpa membezakan parti politik” (Temu bual, 23 Januari 2020).

#### 4.2 *Pendapat Umum Mengenai Isu Dan Dasar Kerajaan Persekutuan*

Jadual 2 menunjukkan pendapat umum rakyat di negara ini terhadap beberapa isu dan dasar Kerajaan Persekutuan. Jadual 2 menunjukkan bahawa 97 peratus rakyat di kawasan kajian ini setuju dengan isu dan dasar Kerajaan Persekutuan iaitu larangan merokok di restoran adalah satu peraturan yang baik. Hal ini dapat dilihat apabila ramai rakyat di negara ini mula patuh akan peraturan yang telah ditetapkan ini. Ramai pihak yang terlibat dalam melaksanakan usaha ini antaranya adalah pihak berkuasa, premis perniagaan dan perokok itu sendiri. Dasar ini merupakan satu usaha yang baik demi kesejahteraan hidup rakyat di mana rakyat dapat menikmati udara segar dan persekitaran kedai makan yang selesa serta bebas asap rokok di samping meningkatkan tahap kesihatan rakyat.

JADUAL 2. Pendapat umum mengenai isu dan Dasar Kerajaan Persekutuan

Isu dan Dasar Kerajaan Persekutuan	Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti
1.Larangan merokok di restoran adalah satu peraturan yang baik	97	0	3
2.Kegagalan Kerajaan PH menunaikan 10 janji untuk 100 hari tidak dapat diterima rakyat dan boleh menjejaskan keyakinan rakyat kepada mereka	93	2	5
3.Tindakan Kerajaan Persekutuan yang kerap u-turn dalam pembuatan sesuatu dasar menggambarkan kelemahan kepimpinan sedia ada	86	3	11
4.Kes gangguan seksual oleh seorang pemimpin politik terhadap bekas pekerjaanya perlu disiasat dengan adil, bebas dan berkecuali	84	0	16
5.Para pemimpin terutamanya menteri perlu mengelakkan membuat kenyataan terbuka mengenai isu sensitif terutamanya isu agama dan kaum	82	6	12
6.Langkah Kerajaan PH memperkenalkan beberapa dasar baru iaitu Dasar Pengangkutan Negara, Dasar Kebersihan Negara, Dasar Keselamatan dan	82	6	12

Kesihatan Pekerjaan Negara, Dasar Komuniti Negara dan Dasar Keusahawanan Nasional adalah baik agar pembangunan sosioekonomi negara lebih jelas dan terpandu			
7.Pengekalan penguatkuasaan pengesanan kesalahan lalu lintas secara kamera automatik iaitu Automated Enforcement System (AES) dapat mengurangkan kemalangan jalan raya dan diterima rakyat	81	5	14
8.Isu tindakan tidak bermoral seorang Menteri Kerajaan PH perlu disiasat dengan telus dan profesional tanpa pengecualian	81	18	1
9.Dasar Kerajaan PH agar barisan kabinet serta ahli parlimen PH perlu mengisytiharkan harta kepada kepada SPRM adalah langkah terpuji dan telus untuk pengetahuan semua pihak terutamanya rakyat	67	0	33
10.Penjualan aset oleh Kerajaan sekarang boleh merugikan pelaburan kerajaan dalam jangka masa yang panjang	67	13	20
11.Pendekatan santai dan mesra oleh sesetengah menteri wajar dicontohi dan diikuti oleh pemimpin lain	66	19	15
12.Kes pembunuhan seorang warganegara Mongolia yang melibatkan bekas pemimpin negara perlu disiasat semula dan tidak wajar dipolitikkan	64	19	17
13.Pengenalan Kereta Nasional 3.0 oleh Kerajaan Pusat/PH dapat memberi manfaat kepada rakyat untuk memiliki kenderaan yang berkualiti	59	13	28
14.Dasar luar Kerajaan PH yang berkecuali atau tidak memihak kepada mana-mana kuasa besar adalah langkah terbaik untuk menjalin hubungan diplomatik yang mesra dengan semua pihak	55	13	22
15.Pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjalankan tugas dengan baik, profesional dan adil	46	23	31
16.Tindakan pendakwaan terhadap pemimpin Kerajaan terdahulu adalah perlu dan rasional	38	50	12
17.Usaha Kerajaan Pusat untuk menangani kenaikan harga barangan dan perkhidmatan adalah memadai	37	55	8
18.Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menjalankan tugasnya dengan baik, profesional dan berkecuali	34	16	50
19.Kerajaan PH bersikap profesional dalam melayan Kerajaan Negeri yang berlainan ideologi seperti Kerajaan Kelantan, Pahang, Perlis dan Sarawak	33	24	43
20.Belanjawan Negara 2020 bermanfaat untuk rakyat jelata	30	45	25
21.SPRM telah menjalankan tugasnya dengan baik, profesional dan berkecuali	28	30	42
22. Ekonomi negara masih berada pada tahap baik/kukuh	27	60	13
23.Kerajaan Pusat/PH berjaya meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam	24	49	27
24.Media massa (tv dan akhbar) ketika ini lebih terbuka kepada parti lawan	23	24	52
25.Parlimen negara sekarang bersidang dengan adil, telus dan saksama	20	25	55
26.Langkah membatalkan atau menangguhkan projek mega kerajaan terdahulu adalah kaedah terbaik untuk menyelesaikan masalah hutang dan ekonomi			

yang tidak menentu	17	77	6
27.Sistem kehakiman negara adalah pada tahap terbaik dan adil untuk semua	14	34	52
28.SPRM telah menjalankan tugasnya dengan baik, profesional dan berkecuali	14	57	29
29.Slogan “Malaysia Baharu” oleh Kerajaan Persekutuan sekarang adalah realistik dan dapat dicapai	11	49	40
30.Polisi/pembaharuan yang dilakukan oleh kepemimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan rakyat	11	72	17
31.Cukai Jualan dan Perkhidmatan/SST adalah penting untuk menjana pembangunan negara dan tidak membebankan rakyat	8	59	33
32.Pengekalan ‘cukai baharu’ oleh Kerajaan PH dapat menstabilkan ekonomi	8	47	45
33.Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) yang dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir pada 5 Oktober 2019 yang memperkenalkan pelbagai inisiatif dan perancangan yang difokuskan kepada kesejahteraan serta sosioekonomi rakyat adalah realistik	7	35	58
34.Barisan menteri dan timbalan menteri sekarang menjalankan tugas dengan baik dan profesional	7	64	29
35.Rakyat perlu berdiri teguh serta menyokong Perdana Menteri sekarang	4	83	13
36.Perbehentian pekerja kontrak politik seperti dalam JASA dan KEMAS adalah perlu untuk memastikan kakitangan kerajaan yang berkhidmat sekarang patuh kepada ‘government of the day’	4	90	6
37.Kerajaan Persekutuan baharu di bawah PH diterima rakyat dengan baik	0	95	5
38.Kerajaan Persekutuan (PH) kini masih stabil dan diyakini rakyat	0	92	8
39.Rakyat berpuas hati dengan prestasi Kerajaan Persekutuan (PH) sekarang	0	94	6
40.Kepimpinan PM lebih mengutamakan rakyat	0	86	14
41.Perlantikan jawatan utama negara iaitu Peguam Negara dan Ketua Hakim Negara daripada orang bukan Islam/bukan Melayu dipersetujui rakyat	0	92	8

Sumber: Soal Selidik 2020

Seterusnya, 93 peratus rakyat bersetuju dengan isu kegagalan Kerajaan PH menunaikan 10 janji untuk 100 hari tidak dapat diterima rakyat dan boleh menjejaskan keyakinan rakyat kepada mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana rakyat hari ini sering memerhatikan tindak tanduk pihak kerajaan untuk melihat setiap perkembangan yang dilakukan oleh kerajaan kepada negara ini. Sekiranya kerajaan gagal menunaikan manifesto yang telah dijanjikan, rakyat akan hilang kepercayaan kepada kerajaan dan menganggap mereka telah memungkirkan janji. Kesannya, dalam masa yang akan datang atau PRU seterusnya, kebarangkalian untuk kerajaan ini tumbang dan tewas kepada pihak pembangkang adalah sangat tinggi.

Tindakan Kerajaan Persekutuan yang kerap u-turn dalam pembuatan sesuatu dasar menggambarkan kelemahan pemimpin sedia ada mendapat persetujuan rakyat di kawasan ini sebanyak 86 peratus. Hal ini kerana rakyat hanya melihat dari sudut negatif kelemahan kepimpinan pihak kerajaan sahaja, namun dari sudut positifnya pula, ianya bertujuan untuk

memperbaiki kesalahan yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan agar sesuatu dasar yang dibuat memberi manfaat kepada rakyat. Akan tetapi, dalam situasi seperti ini, pihak kerajaan perlu terus meyakinkan setiap rakyat agar mereka tidak terus menganggap kepemimpinan kerajaan negara ini lemah dan seterusnya perlu meraih kepercayaan rakyat kepada dasar kerajaan negara ini. (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/12/506823/kerajaan-boleh-u-turn-jika-salah-pm>)

Selain itu, 84 peratus rakyat di kawasan kajian ini bersetuju dengan isu kes gangguan seksual oleh seorang pemimpin politik terhadap bekas pekerjanya perlu disiasat dengan adil, bebas dan berkecuali. Hal ini dikatakan perlu dan wajar dilaksanakan untuk merungkai persoalan kesahihan kes tersebut. Hal ini juga penting agar kes ini tidak terus menjadi perbualan hangat oleh rakyat di negara ini dan menjejaskan imej kepemimpinan politik negara. Sekiranya tertuduh didapati bersalah, tindakan undang-undang perlu dikenakan secara adil agar ianya tidak menimbulkan ketidakpuasan hati rakyat terhadap kepemimpinan politik di negara ini.

Seterusnya, 82 peratus rakyat di kawasan ini juga bersetuju bahawa para pemimpin terutamanya menteri perlu mengelak daripada membuat kenyataan terbuka mengenai isu sensitif terutamanya isu agama dan kaum. Hal ini kerana parti gabungan di negara ini terdiri daripada pelbagai kaum. Oleh itu, setiap kenyataan yang ingin dikeluarkan haruslah menjaga sensitiviti mereka. Hal ini adalah penting untuk mengelak permusuhan dan pergaduhan berlaku dalam kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini. Dalam masa yang sama juga, jika pemimpin sendiri tidak menjaga sensitiviti rakyat, kebarangkalian untuk rakyat terus menyokong kepemimpinan ini sangat rendah. Oleh itu, pemimpin haruslah menunjukkan sikap yang baik agar terus dihormati dan disegani rakyat.

Namun begitu, terdapat juga isu dan dasar Kerajaan Persekutuan yang tidak dipersetujui oleh rakyat di kawasan ini. 95 peratus rakyat tidak bersetuju bahawa Kerajaan Persekutuan baharu di bawah PH diterima rakyat dengan baik. Hal ini dikatakan demikian kerana sehingga ke hari ini masih lagi terdapat segelintir rakyat yang tidak mempercayai kepemimpinan baharu ini terutamanya mereka yang menyokong parti pembangkang. Mereka juga mungkin masih lagi tidak boleh menerima kekalahan dalam PRU tempoh hari. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa situasi di mana rakyat terus mempersoalkan tentang kepemimpinan kerajaan baharu ini dan sering mencari kesalahan mereka dalam urusan pentadbiran negara.

Seterusnya, 94 peratus rakyat di kawasan ini juga tidak bersetuju bahawa rakyat berpuas hati dengan prestasi Kerajaan Persekutuan (PH) sekarang. Hal ini dikatakan demikian kerana sehingga ke hari ini masih terdapat segelintir rakyat yang terus meragui kepemimpinan kerajaan baharu ini. Situasi pihak kerajaan yang kerap u-turn dalam membuat sesuatu dasar juga merupakan salah satu punca rakyat tidak berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan oleh pihak kerajaan. Seterusnya, kegagalan tampuk pimpinan baharu ini dalam melaksanakan manifesto yang telah dijanjikan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh pihak mereka sendiri juga menyebabkan ramai rakyat yang tidak berpuas hati dengan kepemimpinan mereka.

Berdasarkan temu bual dengan Encik Yulandee bin Che Mohd (Penghulu Mukim Jengai, Dungun, Terengganu), beliau mengatakan bahawa “Pentadbiran Kerajaan Pusat hari ini dilihat masih dalam usaha untuk mencapai sebuah pentadbiran yang baik seperti yang dijanjikan sebelum ini. Dari segi pembangunan sosioekonomi pula, mereka juga masih dalam usaha untuk melaksanakannya dengan baik sementara terdapat beberapa manifesto yang telah berjaya dilaksanakan seperti membantah rasuah dalam kalangan pentadbiran dan menyantuni rakyat di negara ini. Pimpinan Kerajaan Pusat ini dilihat ada kelebihannya dalam menjalankan tanggungjawab memerintah negara namun, tidak dinafikan masih ada juga kelemahannya. Contohnya, dari segi bantuan kepada rakyat sebelum ini dilihat pengagihan lebih menyeluruh



namun kini terdapat beberapa kekangan. Situasi ini mungkin disebabkan masalah kewangan atau ianya adalah satu permainan politik” (Temu bual, 23 Januari 2020).

Berdasarkan temu bual dengan Encik Hanif Safwan bin Mansor (Timbalan Ketua Pemuda PAS, DUN Bukit Besi, Dungun, Terengganu), beliau mengatakan bahawa “Pentadbiran Kerajaan Pusat sekarang banyak memberi perbezaan terutamanya di DUN Bukit Besi yang berada di bawah Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) seperti yang dahulunya menerima banyak inisiatif namun kini telah tiada dan mungkin ianya juga disebabkan bajet. Namun begitu, keberkesannya belum boleh dinilai sepenuhnya kerana Kerajaan PH ini baru sahaja mengambil alih tampuk pimpinan Kerajaan Pusat. Kerajaan PH dilihat masih belum menjalankan tugas dan tanggungjawab mentadbir negara dengan baik seperti yang dijanjikan. Selain itu, Kerajaan Pusat juga dilihat seperti ingin melanggar perlembagaan dan undang-undang yang tidak sepatutnya. Contohnya, melaksanakan pilihan raya PBT. Seterusnya, terdapat juga situasi di mana mereka melarang sesuatu keputusan ini dibuat namun setelah mereka memerintah negara, mereka melakukan apa yang dilarang sebelum ini dan hal ini boleh menjatuhkan imej pimpinan mereka sehingga ada yang menggelar mereka seperti *cakap tak serupa bikin*” (Temu bual, 23 Januari 2020).

Berdasarkan temu bual dengan Encik Mohd Arfan bin Mat Tahir (MPKK Kampung Jerangau, Dungun, Terengganu), beliau mengatakan bahawa “Urusan pentadbiran Kerajaan Pusat di bawah kerajaan PH hari ini dilihat masih lagi belum mencapai tahap yang baik kerana dari segi pelaksanaan manifestonya belum dilaksanakan dengan sepenuhnya seperti yang dijanjikan dahulu. Anggaran pelaksanaannya adalah lebih kurang dalam 40% sahaja yang telah dilaksanakan. Dari segi sosioekonomi pula, belum memberi apa-apa kesan kepada rakyat dari segi pelaksanaan pembangunan yang telah dilaksanakan sepanjang mentadbir Kerajaan Pusat hari ini. Kerajaan Pusat atau PH dilihat tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik sehingga ke hari ini kerana mereka masih tidak dapat menjalankan manifesto yang dijanjikan kepada rakyat dengan baik dan berkesan.” (Temu bual, 23 Januari 2020)

## 5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini dilihat dapat memberi impak kepada pengkaji melalui proses pengumpulan data yang dijalankan di mana situasi ini dilihat dapat memberi peluang kepada pengkaji untuk beramah mesra dengan rakyat di kawasan kajian dan juga dapat mengenali individu-individu yang berkepentingan dalam organisasi pentadbiran di kawasan ini serta dapat melatih diri pengkaji menjadi individu yang berkeyakinan untuk berdepan dengan masyarakat atau organisasi-organisasi luar. Di samping itu, pengkaji juga dapat bertukar pandangan serta pendapat mengenai isu-isu semasa yang berlaku di negara ini dengan masyarakat setempat yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Pada masa yang sama juga, situasi ini dilihat dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara pengkaji dengan masyarakat setempat di kawasan kajian ini. Selain itu, kajian ini juga dilihat dapat memberi impak kepada perkembangan ilmu. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini dilihat dapat meningkatkan ilmu pengkaji tentang isu-isu semasa berkenaan dengan dunia politik di negara ini. Kajian ini juga telah menarik minat pengkaji untuk lebih menerokai dan mengkaji tentang isu-isu semasa yang berlaku di Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan, sistem pentadbiran negeri dan negara serta meningkatkan ilmu tentang dunia politik di dalam mahupun di luar negara. Di samping itu,

kajian ini juga dapat dijadikan sebagai bahajan rujukan dan panduan kepada pengkaji-pengkaji seterusnya untuk menjalankan kajian berkenaan dengan politik pilihan raya di negara ini.

Seterusnya, kajian ini juga dilihat dapat mendidik pengkaji ke arah yang lebih baik pada masa yang akan datang. Pada masa yang sama juga, kajian ini dilihat dapat mendidik dan mendorong pengkaji untuk menjadi individu atau masyarakat yang lebih prihatin dan mempunyai sifat cakna terhadap isu semasa, pembangunan dan perkembangan di negara ini seterusnya menjadi salah seorang rakyat yang berjasa kepada agama, bangsa, dan juga negara. Akhir sekali, pengkaji berharap agar kajian seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa yang akan datang. Selain itu, pengkaji berharap agar kajian yang telah dijalankan ini dapat memberi satu sentuhan idea dan manfaat yang baik kepada pengkaji seterusnya untuk menjalankan kajian mengenai politik pilihan raya. Pengkaji juga berharap agar prestasi pentadbiran Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bertambah baik dari sehari ke sehari demi meningkatkan kestabilan politik di negara ini di peringkat yang lebih baik.

## Rujukan

- Awang Jabar. (2006). UMNO Terengganu Dalam Pilihan Raya Umum 2004: Analisis Faktor Dalaman dan Luaran Yang Mempengaruhi Kemenangan. Ijazah Sarjana, Program Sains Kemasyarakatan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.
- Azmah Abd. Manaf. (2013). Perkembangan politik dan kesannya ke atas pembangunan ekonomi Terengganu antara tahun 1955 hingga 1969. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy* 40(1): 133-154.
- Carison, C & Gimpel, J.G. (2019). Political implications of residential mobility and stasis on the partisan balance of locales. *Political Geography* 71: 103-114.
- Edmund Terence Gomez & Mohamed Nawab Mohamed Osman. (2020). Introduction: Malaysia's 14<sup>th</sup> General Election and UMNO's Fall: Intra-Elite Feuding and the Pursuit of Power. In Edmund Terence Gomez & Mohamed Nawab Mohamed Osman. *Malaysia's 14<sup>th</sup> General Election and UMNO's Fall: Intra-Elite Feuding and the Pursuit of Power*. Oxon: Routledge.
- Evans, J, Arzheimer, K, Campbell, R & Cowley, P. (2017). Candidate localness and voter choice in the 2015 General Election in England. *Political Geography* 59: 61-71.
- Gimpel, J. Morris, I.L. & Armstrong, D.R. (2004). Turnout and the local age distribution: Examining political participation across space and time. *Political Geography* 23(1): 71-95.
- Hamdan Aziz. (2015). *Pilihan Raya Umum Terengganu 1955-2013*. Kuala Terengganu: Penerbit UMT.
- Ilyas Abdullah & Nurul Saadatun Nadiah Mohd Ngah. (2018). Dinamika budaya politik Melayu dalam Pilihan Raya Tahun 1999-2018: Terhentinya dominasi BN di Terengganu. *Sains Insani* 3(2): 30-37.
- Ilyas Abdullah dan Nurul Saadatun Nadiah Mohd Ngah. (2019). Perkembangan Awal Gerakan Sosio Politik Melayu Di Terengganu: Tinjauan Dari Aspek Persejarahan. *Sains Insani* 2018 4(1): 68-76.
- Ilyas Abdullah, Jamaie Hamil & Sity Daud. (2018a). Pendekatan Teori Pilihan Rasional: Analisis terhadap budaya politik Melayu Terengganu. *Sains Insani* 3(1): 81-91.

- Ilyas Abdullah, Jamaie Hamil & Sity Daud. (2018b). Budaya Politik Baru Pasca PRU KE-10: Analisis terhadap Transformasi Budaya Politik Melayu di Terengganu. *Sains Insani* 2018 3(1): 67-74.
- Junaidi Awang Besar. (2003). Politik Baru: Analisis Pilihan Raya Umum 1995 dan 1999 di Parlimen Kuala Terengganu. Latihan Ilmiah, Program Geografi, Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidi Awang Besar, (2015). Impak sumber maklumat terhadap sokongan kepada parti politik: kajian empirikal PRU di Malaysia. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 11(8): 90-99.
- Junaidi Awang Besar. (2017). Trend pengundian dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-13. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 12(2): 126-149.
- Junaidi Awang Besar. (2018). Analisis Faktor Geografi Terhadap Pola Pengundian Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. *International Conference on Social Sciences And Humanities (ICOSH-7) 2018*. Tema: "Wisdom and Culture in the ASEAN Region: Perspectives from the Social Sciences and Humanities" "Akal Budi dan Kebudayaan di Rantau ASEAN: Perspektif Sains Sosial dan Kemanusiaan". Anjuran dan Tempat Persidangan: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Pada 12-15 November.
- Junaidi Awang Besar. (2019). Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia: Faktor Sokongan, Pola dan Impak. *Post-GE14 By-Elections: Implications for GE15*. Subchapter: Analyses of Post-GE14 By-Elections. At Experimental Hall, Level 3, Rectory, IIUM Gombak. 28 August/Wednesday.
- Junaidi Awang Besar & Mazlan Ali. (2016). Kebangkitan PAS di Terengganu. Dlm. Muhamad Takiyuddin Ismail, Sity Daud (Editor). *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Junaidi Awang Besar & Mazlan Ali. (2019). Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 Di Malaysia: Pola dan Impak. *3rd USM-International Conference On Social Sciences (ICOSS) 2019*. At: Bayview Beach Resort, Batu Feringgi, Penang, Malaysia. Organize By: School Of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. On: 21-23 August.
- Junaidi Awang Besar, Abdul Muein Abadi & Ahmad Afif Zulkipli. (2018). Gelombang Rakyat Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Ke-7, Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM 7, 2018)*. Tema: "Integrasi Nusa Maritim dan Penguat Jalinan Kebhinekaan Alam Melayu di Asia Tenggara. Tempat: Jayakarta, Lombok Beach Resort & Spa, Nusa Tenggara Barat, Indonesia. Anjuran Bersama: Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia; Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universitas Islam Al-Azhar, Mataram, Indonesia. 28-29 Julai.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Abdul Halim Sidek, Jeniri Amir, Rosmadi Fauzi & Novel Lyndon. (2012). Persepsi politik pengundi belia Melayu pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu* 9: 191-214.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon & Sity Daud. (2015). Kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) dan persepsi pengundi terhadap dasar kerajaan: Kajian kes Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang, Selangor. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 11(8): 78-89.

- Junaidi Awang Besar, Mazlan Ali, Mohd Faidz Mohd Zain & Ahmad Afif Zulkipli. (2016). Analisis Geografi Pilihan Raya Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manir, Terengganu. 8th International Conference on Humanities and Social Sciences (ICHiSS) 2016. Theme: Innovation in Humanities and Social Sciences: Opportunities and Challenges” at The Hotel Royale Chulan Damansara, Selangor, Malaysia. Organized By: Fakulty of Defence and Management Study, National Defence University of Malaysia (UPNM) and Prince Of Songkla University (PSU), Thailand. In The Royale Chulan Hotel, Damansara, Selangor. 27-29 May.
- Kee Thuan Chye. (2018). *The People’s Victory: How Malaysians Saved Their Country*. Singapore: Marshall Cavendish Editions.
- Khairul Arifin Mohd Munir. (2019). Pasca PRU 14: Analisis Keputusan PRK & Kesannya Terhadap Landskap Politik Malaysia. *GEI4 And The Year Since: Analyses And Perspectives*. Conference Room, Kulliyyah of Information and Communication Technology, IIUM Gombak. 2 May/Thursday.
- Maizatul Haizan Mahbob & Wan Idros Wan Sulaiman. (2014). Advokasi dan penerimaan pengundi terhadap Program Transformasi Kerajaan (GTP) dalam PRU-13. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 10: 1 – 14.
- Mazlan Ali. (2018). “Tsunami hijau Pantai Timur PRU-14: Gelombang PAS atau gelombang rakyat?”. Forum Pasca PRU14: Gelombang Rakyat. Aras 13, Menara SAAS UiTM Shah Alam. 3-5.30 petang. 8 Jun.
- Mohammad Agus Yusoff. (2004). Politik Terengganu Selepas Pilihan Raya Umum 1999: Dari Royalti ke Wang Ehsan. *Jebat* 31: 87-107.
- Mohammad Tawfik Yaakub. (2019). Isu-isu dominan dalam kalangan pengundi Melayu dalam kempen PRK DUN Semenyih. Dlm. *Forum Pasca PRK DUN Semenyih: Biduk Lalu, Kiangang Bertaut*. Dewan Semarak, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 10 pagi, 10 Mac (Khamis).
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2017). Dlm. Sinar Online. *PRU14: Pembangkang Ada Peluang Rampas Terengganu*. <http://www.sinarharian.com.my/politik/pru14-pembangkang-ada-peluang-rampas-terengganu-1.762041> [25 Oktober 2018].
- Mohd Firdaus Al Amry. (1992). *Terengganu: Rahsia yang Terbongkar*. Kuala Terengganu: Mahir Ent.
- Mohd Hasbie Muda. (2017). *Politik Terengganu: Perkembangan dan pergolakan*. Malaysia: Megamind Leadership Consultancy.
- Ooi Kee Beng. (2018). *Catharsis: A Second Chance for Democracy in Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Robinson, T & Noriega, S. (2010). Voter migration as a source of electoral change in the Rocky Mountain West. *Political Geography* 29(1): 28-39.
- Rosmadi Fauzi, Mohd Muslim Said & Muhammad Fathi Marzuki. (2019). Cabaran Hala Tuju Politik Malaysia Pasca PRU Ke-14. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Pnyt). *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Schaffner, B.F. (2006). The political geography of campaign advertising in US House Elections. *Political Geography* 25(7): 775-788.
- Shin, M. (2001). The politicization of place in Italy. *Political Geography* 20(3): 331-352.

- Wan Zulkifli Wan Gati. (2018). Utusan Online. *(Analisis) Riak Pergolakan Pakatan Harapan Terengganu*. <http://www.utusan.com.my/berita/politik/analisis-riak-pergolakan-pakatan-harapan-terengganu-1.620053> [25 Oktober 2018].
- Yahaya Ismail. (1990). *Skandal Politik Wan Mokhtar di Terengganu*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif Sdn.Bhd.
- Zulkifli Sulong. (1994). *Operasi Tawan Terengganu*. Batu Caves, Selangor: Penerbitan Pemuda.